

Pengajaran Pembezaan Dalam Pengajaran Penulisan Naratif

Roslie Buang Sidik

roslie_buang_sidik@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Fernvale

Ifa Hanifah

ifa_hanifah@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Teck Whye

Abstrak

Pelajar seringkali berhadapan dengan masalah untuk menggambarkan watak- watak dalam penulisan karangan naratif yang dihasilkan. Walaupun rata-rata pelajar dapat mengembangkan plot dengan baik, namun pembinaan perwatakan masih pada tahap sederhana. Kajian ini meninjau keberkesanan teknik penulisan dengan penerapan teknik STEAL (*Speech-Thought_Effect-Action-Look*) dalam membantu meningkatkan prestasi pelajar dalam pembinaan perwatakan. Dengan menggunakan strategi pengajaran pembezaan, pelajar dibimbing untuk membina watak dalam keadaan yang lebih tersusun dan teratur berdasarkan pendekatan perancahan. Kajian ini juga mengetengahkan dapatan mengenai pencapaian pelajar selepas penggunaan STEAL dan rubrik penilaian dalam proses pembelajaran.

Kata Kunci: penulisan, STEAL, pengajaran pembezaan, pembinaan perwatakan, rubrik penilaian



PENGENALAN

Memang tidak mudah untuk membina perwatakan dalam penulisan. Sesebuah watak seharusnya diberikan gambaran latar belakang, fizikal, pemikiran dan tindak-tanduknya dalam mengembangkan sesebuah penceritaan. Watak ini juga harus mempunyai deskripsi yang jelas dan meyakinkan.

Dalam penulisan naratif, guru sering menghadapi cabaran yang besar dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dalam pembinaan perwatakan. Guru terpaksa memikirkan beberapa langkah yang dapat membantu dalam perancangan pengajaran karangan supaya pelajar dapat memahami konsep pembinaan perwatakan.

PERNYATAAN MASALAH

Pelajar sering menghadapi kesukaran untuk mengembangkan perwatakan dalam penulisan. Keutamaan sering diberikan kepada pembinaan plot tanpa menyedari bahawa pembinaan watak yang lemah boleh menjejaskan pembinaan plot.

Guru-guru pula sering menghadapi masalah mengajar pembinaan perwatakan. Teknik-teknik yang ditemui agak kompleks dan sukar diajarkan kepada pelajar. Oleh itu, guru sering mencari-cari teknik yang mudah digarap oleh pelajar untuk meningkatkan prestasi penulisan mereka.

Rubrik penilaian yang khusus untuk penulisan juga sukar ditemui. Rata-rata, para guru memang menyedari bahawa rubrik penilaian sangat penting untuk membantu murid mengenal pasti kekuatan dan juga kelemahan mereka.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. meneliti keberkesanan teknik STEAL dalam pembinaan perwatakan bagi penulisan naratif; dan
2. meneliti keberkesanan rubrik penilaian dalam membantu pelajar meningkatkan pembinaan watak dan perwatakan bagi penulisan naratif dalam proses pembelajaran.



KAJIAN LEPAS

Lim Swee Tin (2001) menjelaskan bahawa dalam penulisan, watak itu dianggap penting sebagai penggerak utama atau wahana dalam bercerita. Dengan erti kata lain, sesuatu watak dapat mempengaruhi dan menerajui sesebuah penceritaan. Watak berkembang dari permulaan plot hingga kepada perkembangan plot yang mengakibatkan konflik.

Pengajaran Pembezaan memerlukan guru untuk merancang pengajaran berdasarkan kemahiran pelajar. Dalam pembelajaran sebegini, pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajarannya sendiri. Strategi ini dianggap sebagai alat yang penting untuk menarik minat pelajar dan sekali gus menangani kebolehan setiap pelajar yang berbeza. Tomlinson C (2000), telah mengenal pasti empat perkara yang boleh dibezakan dalam pembelajaran pembezaan. Empat perkara yang dimaksudkannya ialah kandungan, proses, produk dan persekitaran pembelajaran.

Andrade dan Du (2005) membuat kesimpulan bahawa penggunaan rubrik penilaian mampu membantu pelajar untuk menghasilkan kerja yang lebih bermutu dan sekali gus meningkatkan prestasi pelajar. Marie Lim (2013) pula menguatkan pandangan bahawa penggunaan rubrik mampu membuat pelajar memahami jangkaan guru dalam tugas yang diberikan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah pengajaran pembezaan. Guru menggunakan pendekatan perancangan dalam membantu murid-murid memahami konsep pembinaan watak dan perwatakan dalam penulisan naratif. Pembelajaran pelajar dinilai secara bertahap seiring dengan tugas-tugas awal yang telah disediakan. Rubrik penilaian digunakan sepanjang proses pembelajaran.

Bagi mencapai objektif pengajaran memahami konsep pembinaan watak dan perwatakan, guru telah memperkenalkan kaedah pengajaran yang berdasarkan teknik STEAL. Pelajar dibimbing untuk membina watak dalam keadaan yang lebih tersusun dan teratur berdasarkan teknik STEAL: S- *Speech* (Ucapan atau pertuturan), T- *Thoughts* (Pemikiran), E- *Effects* (Kesan), A- *Actions* (Tindakan) dan L- *Looks* (Rupa). Bermula dengan pengajaran yang berpandu murid-murid kemudian berpeluang untuk belajar secara berkumpulan dan akhirnya melakukan tugas yang diberikan secara sendiri.

Kajian ini juga menerapkan Amalan Pengajaran Singapura. Guru menggunakan aktiviti mengajar menggunakan cerita dan imejan dan



melakukan tunjuk cara semasa melaksanakan pelajaran. Maklumat ringkas mengenai penerapan STP seperti yang berikut.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Guru menggunakan cerpen dan naskhah teater bacaan untuk membangkitkan minat pelajar dalam pembinaan watak. AM2 : Melakukan tunjuk cara Guru menerangkan teknik STEAL dalam penulisan. Guru memberikan templat Penyusunan Grafik dan mendapatkan pelajar melengkapkannya.
Penilaian dan Maklum Balas	AP 24: Menyediakan tugasan yang bermakna	AM 3: Latihan untuk Menguasai 1. Guru mendapatkan pelajar menulis dalam perenggan pendek untuk menulis perwatakan berdasarkan teknik STEAL. 2. Rubrik penilaian diberikan kepada pelajar sebagai panduan.
Penerangan dan Justifikasi	Cerpen digunakan untuk membantu pelajar memahami ciri-ciri penting dalam pembinaan watak dalam sesebuah cerita. Pendekatan perancahan untuk membantu pelajar menguasai teknik STEAL. Dengan menggunakan rubrik, guru mengkhususkan garis panduan yang diharapkan dalam aspek penulisan seperti perincian dan perkembangan watak.	

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 4 sehingga Menengah 2 yang berada dalam pelbagai keupayaan, iaitu melebihi aras kebolehan, pada aras kebolehan dan praaras kebolehan. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk meninjau keberkesanan teknik STEAL dalam meningkatkan mutu penulisan naratif yang berfokus pada pembinaan perwatakan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada teknik STEAL, rubrik penilaian dan hasil penulisan karangan mereka berdasarkan latihan yang dilakukan di dalam kelas. Karangan mereka dinilai dari segi isi sahaja dan berfokus pada pembinaan watak. Templat penyusunan grafik digunakan untuk memberi panduan kepada murid cara mengembangkan idea dalam penulisan mereka.

Penilaian formatif digunakan untuk menilai kelakonan murid-murid sepanjang pembelajaran. Rubrik penilaian digunakan supaya murid-murid mengetahui kriteria kejayaan dan mengenali ciri-ciri pembinaan perwatakan yang baik dalam menghasilkan penulisan naratif. Menerusi pendekatan ini, murid-murid akan bertanggungjawab terhadap pembelajaran masing-masing dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi mereka.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah berlangsung selama 3 minggu sepanjang 6 sesi pengajaran. Setiap sesi lebih kurang setengah jam pembelajaran. Seorang guru sekolah rendah dan seorang guru sekolah menengah telah terlibat dalam usaha kolaborasi ini.

Dalam pengajaran, cerpen digunakan untuk membangkitkan minat pelajar mengenai pembinaan perwatakan. Penggunaan cerpen juga dapat membantu pelajar memahami ciri-ciri penting dalam pembinaan watak dalam sesebuah cerita.

Kemudian, guru menerangkan dengan jelas mengenai kaedah STEAL dalam penulisan perwatakan. Guru melakukan tunjuk cara dengan memberikan contoh-contoh dalam proses pembinaan watak.

Untuk tugas, pelajar diberikan pilihan untuk memilih watak yang ingin mereka kembangkan dalam penulisan. Dengan memberikan pelajar pilihan, mereka akan berasa selamat untuk mencuba dan dapat meningkatkan keyakinan diri mereka. Selain itu, ia juga bertujuan untuk merangsang pelajar untuk berjaya menghasilkan karya yang baik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Kajian ini menunjukkan 3 aspek penting dalam meningkatkan kemahiran dan keupayaan pelajar membina perwatakan dalam penulisan naratif. Pertama, murid-murid perlu didedahkan kepada teknik penulisan yang sesuai. Di dalam



kajian ini, teknik STEAL telah diajarkan kepada pelajar. Kedua, pendekatan pengajaran pembezaan yang dianggap sangat penting untuk memastikan pelajar diberikan bimbingan yang sebaiknya menerusi pendekatan perancahan. Ketiga, penilaian merupakan alat penting untuk mengukur tahap pembelajaran pelajar dan mengenal pasti kelemahan pelajar.

Kajian ini mendapati bahawa semua pelajar (100%) mampu memahami teknik penulisan STEAL yang telah diajarkan. Menerusi hasil tinjauan seperti tercatat di Rajah 1 hampir 88% daripada murid dan pelajar yang telah mempelajari teknik ini telah berusaha untuk mengaplikasikannya dalam penulisan masing-masing.

Rajah 1: Hasil Tinjauan Pelajar Menggunakan Teknik Penulisan yang diajarkan (Sekolah Menengah)



Jadual 2: Contoh Hasil Kerja Murid Menggambarkan Watak Menggunakan Teknik STEAL

Soalan	Tulis mengenai watak seorang budak yang tidak berputus asa semasa memasuki acara lumba lari.
Murid 1	“Saya mesti sampai ke garisan penamat,” Bisik Khabul. Khabul pun cuba bangkit. Lututnya menggeletar seperti jeli. Khabul terus berlari ke garisan penamat. Dia berlari dengan penuh semangat. Semua murid terkejut melihat keazamannya. Rakan-rakan bersorak untuknya. Air matanya mula mengalir. Dia terharu terhadap sokongan rakan-rakannya.
Soalan	Tulis watak seorang ayah yang marah apabila anaknya pulang lewat.
Murid 2	Adik selalu pulang lewat dari sekolah tanpa memberitahu ayah. Apabila adik sampai di rumah, ayah pun terus menengking dan membelakangkan matanya. Muka ayah masam seperti cuka. Suara ayah yang garau menjadikan adik menangis ketakutan. Dia terus berlari ke dalam biliknya.

Jadual 3: Contoh Hasil Kerja Murid dengan Menggunakan Teknik STEAL

“Herman, apa engkau buat dengan telefon bimbit baharuku?” teriak Razi dengan nada marah. (Speech)
Razi pasti akan menjauhkan dirinya daripada Herman. Razi memuncungkan bibirnya sambil termenung jauh. (Thought)
“Ini semua salahku. Disebabkan telefon bimbit itu, persahabatanku dengan Razi telah retak,” bisiknya sendirian. (Effects)
Dengan hati yang berat, Herman mengutip telefon bimbit Razi. Kacanya sudah berkecai. (Actions)
Wajah Razi terus berubah menjadi merah padam. Matanya terkebil-kebil. Dia tidak dapat mempercayai apa yang dilihatnya. (Looks)

Penggunaan rubrik seperti dalam Jadual 4 memberi gambaran yang jelas untuk setiap penilaian yang dibuat. Dengan menggunakan rubrik, guru mengkhususkan garis panduan yang diharapkan dalam aspek penulisan seperti perincian dan perkembangan watak. Dengan berpandukan rubrik, pelajar tidak akan keliru dengan apa yang diharapkan daripada mereka. Pelajar juga dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan mereka dengan lebih jelas. Oleh itu, pelajar dapat memperbaiki kelemahan mereka.



Jadual 4: Rubrik Penulisan (Pembinaan Perwatakan)

Kriteria	Cemerlang	Baik	Sederhana	Lemah
	13-15	9-12	5-8	0-4
Butiran/ Perincian (15m)	Semua butiran perincian yang diterapkan mencukupi dan berkesan untuk meningkatkan mutu cerita	Semua butiran perincian yang diterapkan mencukupi dan relevan dengan jalan cerita	Kebanyakan butiran/ perincian yang diterapkan relevan dengan jalan cerita	Kebanyakan butiran/ perincian yang diterapkan tidak relevan bagi menyokong jalan cerita
Perkembangan Watak (15m)	Semua gambaran yang digunakan untuk mengembangkan watak berkesan dan relevan dengan jalan cerita	Semua gambaran yang digunakan untuk mengembangkan watak mencukupi dan relevan dengan jalan cerita	Kebanyakan gambaran yang digunakan relevan untuk mengembangkan watak dalam cerita	Tidak berupaya mengembangkan watak dalam cerita

Jadual 5: Nilai Purata Praujian dan Pascaujian (Kumpulan Sekolah Rendah)

Bahan Ujian	Markah Maksimum	Nilai Purata (Nilai Sisihan Piawai)
Karangan 1	30	18.1 (2.1)
Karangan 2	30	19.8 (1.9)

Berdasarkan analisa yang dijalankan, hasil dapatan kajian ini sangatlah memberangsangkan. Jadual 4 menunjukkan hasil keputusan karangan yang telah dinilai guru. Nilai purata yang tercatat ialah 18.1 (SD=2.1) berdasarkan praujian (Karangan 1) dan 19.8 (SD=1.8) berdasarkan pascaujian (Karangan 2). Nilai markah pertengahan untuk kedua karangan tersebut ialah 15. Kajian ini menunjukkan bahawa pencapaian nilai purata untuk kedua ujian tersebut melebihi 50% daripada nilai markah pertengahan. Pencapaian untuk hasil Karangan 2 juga menunjukkan prestasi yang tinggi sedikit berbanding dengan Karangan 1.

KESIMPULAN

Pengajaran penulisan naratif dengan menggunakan teknik STEAL membolehkan pelajar menghasilkan sebuah penulisan naratif yang lebih menarik kerana watak dalam cerita dapat digambarkan dengan menyeluruh. Teknik STEAL juga mudah dan berkesan untuk setiap pelajar menggarap dan menggunakannya. Rubrik Penilaian juga mampu menimbulkan kesedaran secara instrinsik dalam diri pelajar agar mereka mempunyai rasa tanggungjawab untuk meningkatkan diri dan memantau perkembangan masing-masing.

Di dalam pengajaran penulisan guru harus sentiasa gigih membimbing pelajar dengan pengajaran yang tersusun dan sistematik. Pendekatan perancangan menerusi teknik yang digunakan di dalam kajian ini terbukti berkesan untuk menyampaikan pengajaran dengan lebih efektif.

RUJUKAN

- Aninda Nidhommil Hima. (2017), Penggunaan Rubrik Penilaian: Bagaimana Mahasiswa Memandangnya? Seminar Nasional Sistem Informasi 2017, Indonesia
- Cronbach, L.J. (1970). *Essential of psychological testing* (3rd ed.) New York: Harper & Row.
- Gay, L.R. (1985). *Educational and evaluation and measurement. Competencies for analysis and application.* 2nd ed. Charles E. Merrill.
- Lim Swee Tin. 2001. *Dinamika kreatif penulisan cerpen.* Shah Alam : Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura.* Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Siti Noordiana Sulaiman, Fasiah Rahmat. (2018). Pembelajaran Berasaskan Projek bagi Pengajaran Kefahaman, dalam Seminar Bahasa Melayu 2018, Pusat Bahasa Melayu Singapura, Regent Printing Ltd.
- Tomlinson, Carol (2000). *The differentiated classroom a responding to the needs fo all beginners.* Prentice Hall. USA.

